

terperinci segala bunyi segmental dan juga segala jenis koartikulasi dan juga ciri-ciri suprasegmental yang ditumpanginya dalam bentuk transkripsi fonetik seperti yang berikut:

/ # b u_w k u i_w t u d i a t a s m e ĵ a # /

Transkripsi fonetik bertujuan mencatatkan setepat mungkin semua sifat yang terdapat pada pengucapan seseorang penutur natif. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Melayu, tidak semua bunyi koartikulasi itu wujud, kecuali dalam kata-kata pinjaman daripada bahasa asing seperti bahasa Inggeris atau bahasa Arab.

Transkripsi Fonemik

Transkripsi fonemik juga disebut transkripsi luas. Transkripsi fonemik mencatatkan bunyi-bunyi bahasa yang diucapkan dengan cara yang lebih luas, iaitu dengan menggunakan fonem-fonem yang terdapat dalam satu-satu bahasa itu secara umum dan mudah. Transkripsi fonemik tidak menulis lambang-lambang transkripsi fonetik dengan detail (terperinci) dan tidak menggunakan ciri-ciri koartikulasi atau ciri-ciri suprasegmental. Tujuan penulisan transkripsi fonemik ialah untuk memberikan lambang-lambang bunyi dengan mudah dalam bentuk lambang bunyi segmental sahaja tanpa mencatat dengan detail semua sifat bunyi yang ada pada satu-satu bahasa natif itu. Misalnya, penulisan transkripsi fonemik bagi ayat **Buku itu di atas meja** ditulisnya dengan mudah sebagai:

/ # buku itu di atas meja # /

Transkripsi fonemik sangat mirip kepada sistem ejaan bagi satu-satu bahasa natif.

Berikut diberikan beberapa petikan dalam tulisan rumi bahasa Melayu beserta contoh-contoh transkripsi fonetik (transkripsi sempit) dan transkripsi fonemik (transkripsi luas).